

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 01

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kajian dilakukan dalam kebenaran penggunaan cermin gelap sepenuhnya khususnya dari aspek keselamatan, kesihatan dan ancaman penjenayah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), malah MOU antara JPJ & PDRM telah pun bermula pada 2012 lagi dan satu Jawatankuasa Teknikal antara JPJ & PDRM sentiasa bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun untuk menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan isu-isu berbangkit yang lain.

2. Berhubung isu berkaitan kebenaran penggunaan cermin gelap sepenuhnya khususnya dari aspek keselamatan, kesihatan dan ancaman jenayah, menerusi perbincangan oleh pihak JPJ dan PDRM pada 16 Mei 2019, kedua-dua agensi ini bersetuju untuk bekerjasama di dalam menyediakan laporan terhadap permohonan baru penggunaan cermin gelap oleh orang awam (kenderaan persendirian), dan juga mesyuarat bersetuju untuk pihak PDRM menyediakan laporan rekod jenayah sebelum sesuatu kelulusan kepada orang awam diberikan. Bagi permohonan atas faktor kesihatan pula, pengesahan daripada doktor pakar dan untuk jenis-jenis penyakit tertentu yang disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dijadikan sebagai panduan bagi meluluskan permohonan.

4. Pemakaian peraturan Standard Antarabangsa UNECE R43 merupakan faktor aplikasi penggunaan cermin gelap dan pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan pindaan terhadap Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Bahan Lutsinar Lain) pindaan (2019) bagi memastikan kenderaan yang berada di Malaysia mengikut standard piawaian yang diaplikasikan di peringkat Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.